

ADUN BN Sarawak bertemu PM 6 Feb
Malaysiakini.com
January 29, 2011

ADUN dari komponen BN Sarawak akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Miri pada 6 Februari ini.

Menteri di Pejabat Ketua Menteri, Datin Fatimah Abdullah ketika mengesahkan perkara tersebut berkata, perjumpaan berkenaan adalah mirip kepada perjumpaan bersama ahli Parlimen BN yang diadakan di Kuala Lumpur 8 Januari lalu.

"Kali ini Perdana Menteri akan membuat perjumpaan bersama semua ADUN dari komponen BN di Sarawak dan ia pastinya akan membincangkan beberapa perkara termasuk hal berkaitan persiapan pilihan raya negeri," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian mesyuarat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di Kuching hari ini.

Fatimah yang juga Timbalan Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) berkata, perjumpaan bersama Perdana Menteri itu akan diadakan secara berperingkat mengikut kumpulan kecil sepertimana perjumpaan bersama Ahli Parlimen BN baru-baru ini.

Ketika ini Sarawak mempunyai 63 ADUN yang mewakili BN iaitu PBB (35 kerusi), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (12 kerusi) manakala Parti Rakyat Sarawak (PRS) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) masing-masing memiliki lapan kerusi daripada 71 kerusi DUN yang ada.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/154844>